

30/09/1998

Malaysia tetap pertahan demokrasi tulen

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia tetap mempertahankan sistem demokrasi tulen serta tidak pernah mempertikaikan hak individu bersuara dan memilih pemimpin yang difikirkan layak mewakili rakyat.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan juga tidak pernah mengabaikan hak rakyat mengundi pada pilihan raya umum setiap lima tahun atau dalam pilihan raya kecil yang diadakan di sesetengah kawasan jika perlu.

"Itu adalah sebahagian daripada demokrasi yang diamalkan di Malaysia dan kita sering mengadakan pilihan raya," katanya ketika ditemuramah wartawan CNN dalam program Asia Biz yang disiarkan malam ini.

Abdullah ketika ditemuramah selama 20 minit dalam dua segmen berasingan, berada di Studio CNN di New York, Amerika Syarikat.

Beliau turut memberi penjelasan kepada masyarakat dunia berhubung pelbagai perkara, termasuk isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari aspek kesan dan persepsi antarabangsa.

Menurutnya, kerajaan sentiasa mengutamakan faktor kestabilan dalam negara yang mampu menjamin pembangunan mutlak, walaupun kadangkala terpaksa menguatkuasakan peraturan berhubung Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Kita menguatkuasakan ISA kerana ia adalah amat penting kerana kita mahu pastikan tidak ada rakyat yang akan mendatangkan masalah.

"Mencetuskan rusuhan adalah sesuatu yang tidak ada toleransi bagi pihak kerajaan. Tetapi pada masa yang sama kita masih mengamalkan demokrasi dengan membenarkan parti pembangkang bergerak, walaupun mereka asyik membuat bantahan serta mengkritik," katanya.

Mengenai Anwar, CNN menimbulkan kemungkinan bekas timbalan perdana menteri itu dibebaskan dan jika dibebaskan adakah beliau akan menentang Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata, Malaysia adalah sebuah negara demokrasi, jika mahkamah mendapati Anwar tidak bersalah, beliau boleh kembali ke arena politik.

Bagaimanapun katanya, rakyat Malaysia masih menaruh kepercayaan terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terutama untuk merealisasikan matlamat menjadi negara maju menjelang 2020.

"Jika bercakap mengenai reformasi, Dr Mahathir bukanlah orang asing kepada reformasi, malah itu yang dilakukan oleh Umno sejak mencapai kemerdekaan iaitu mengadakan pelbagai reformasi dalam pelbagai aspek kehidupan," katanya.

Mengenai kegawatan ekonomi yang melanda negara ini, Abdullah berkata Malaysia masih mengambil berat dan memerlukan pelabur asing.

"Kami bukan mengamal dasar ekonomi tertutup, malah akan terus aktif di peringkat antarabangsa. Pelabur masih boleh datang ke Malaysia membuat keuntungan," katanya.

(END)